

PM ulangi kerajaan tidak campuri urusan kehakiman

UM 31 JUL 2001

KOTA KINABALU 30 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi mengulangi pendirian kerajaan yang tidak akan campur tangan dalam urusan kehakiman negara walaupun tidak semua keputusan yang dibuat oleh mahkamah disenangi oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan sentiasa menghormati keputusan yang dibuat oleh mahkamah walaupun keputusan itu tidak menguntungkan kerajaan seperti pembatalan keputusan pilihan raya 1999 di Likas, baru-baru ini.

Katanya, prinsip menghormati kedaulatan undang-undang akan sentiasa dipegang oleh kerajaan walaupun terdapat banyak keputusan mahkamah tidak memihak kepada pemerintah contohnya seperti pengharaman UMNO dahulu.

“Kerajaan hormat dan sentiasa terima keputusan mahkamah walaupun ada ketikanya kita menganggap ia tidak begitu adil kepada kita tetapi jika sudah diputuskan oleh mahkamah, kita terima.

“Begitu juga keputusan (mahkamah) di Likas, kita terima walaupun ia merugikan kita tetapi kita menghormati keputusan undang-undang,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian pada majlis kesyukuran sempena kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Likas, 21 Julai lalu di perkarangan Pusat Perdagangan Sabah di Likas, petang ini.

Majlis tersebut dihadiri oleh kira-kira 4,000 penduduk Likas termasuk para pemimpin pusat dan kerajaan negeri sebagai satu pernyataan kesyukuran kerana BN berjaya mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Likas walaupun mendapat tentangan hebat daripada parti pembangkang.

Beliau berkata, sebagai menghormati mandat yang diberi oleh rakyat, BN akan sentiasa mematuhi peraturan dan kedaulatan undang-undang serta akan memastikan tidak ada orang yang terkecuali daripada diliputi oleh undang-undang tersebut.

Katanya, walaupun kerajaan tidak berhasrat mencampuri urusan kehakiman, badan tersebut perlulah bersikap adil dalam memutuskan sesuatu keputusan agar tidak ada pihak teraniaya hanya disebabkan hakim yang mengendalikan kes pilih kasih dan mempunyai sesuatu kepentingan.

Dr. Mahathir berkata, walaupun institusi kehakiman bebas dan berkecuali, seseorang hakim perlu memastikan mereka mematuhi peraturan yang telah dibuat dan tidak bersikap berat sebelah sewaktu mengendalikan kes mereka.

“Undang-undang yang digubal adalah untuk semua orang dan para hakim tidak terlepas daripada peraturan tersebut hanya kerana kedudukan mereka.

Peraturan

“Kalau ada mana-mana pihak yang tidak ikut peraturan maka akan tercetuslah huru-hara dalam negara dan kerana itu para hakim juga tidak bebas daripada terpaksa mengikut peraturan yang ada,” jelasnya.

Katanya, hakim tidak boleh memberi keputusan mengikut kata hati atau mirip kepada pendirian diri mereka kerana jika berbuat demikian ia tidak akan mewujudkan keadilan terutama kepada mereka yang menerima hukuman.

Dalam kes mahkamah pilihan raya katanya, seseorang hakim tidak seharusnya membuat keputusan yang tidak adil hanya kerana keputusan penghakiman beliau tidak boleh dirayu di peringkat yang lebih tinggi.

“Kalau seseorang hakim menerima tekanan daripada mana-mana pihak atau beliau tidak bersetuju dengan undang-undang yang ada, beliau tidak seharusnya menerima kes melibatkan undang-undang sedemikian.

“Hakim juga tidak seharusnya bersikap marah-marah dan mencampurkan soal peribadi dengan kes yang dikendalikan kerana mereka seharusnya bebas dan berkecuali sepenuhnya tanpa ada kepentingan terhadap kes yang dikendalikan itu,” tambah beliau.